# MAKLUMBALAS ADUAN 2017

| Bil | Pertanyaan | Email | Tarikh Pertanyaan | Maklumbalas | Bahagian | Tarikh Maklumbalas |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Boleh saya tahu dengan lebih lanjut tentang Perpustakaan Permainan "i-Play? | fakhrul6001@gmail. com | 13/01/2017 | Assalamualaikum dan Salam Sejahtera i-Play Toy Library atau Perpustakaan Permainan "iPlay" merupakan satu projek kemasyarakatan yang bertujuan merangsangkan perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Ia diperkenalkan oleh Kumpulan Syarikat Educate to Learn Sdn. Bhd. (e2L) yang memberi tumpuan kepada perkhidmatan dan pembekalan produk yang berkualiti supaya kanak-kanak yang berumur 0-8 tahun menerima pengasuhan dan pendidikan awal yang terbaik. iPlay Toy Library ditaja oleh Yayasan Emkay ditumpukan kepada kanak-kanak yang berada di luar bandar dan pendalaman serta kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak belajar melalui bermain menggunakan bahan dan sumber yang berkualiti supaya mereka mendapat peluang yang saksama untuk menikmati dan memanfaatkan ilmu<br><br>PENDAFTARAN<br>- Perlu menjadi ahli perpustakaan terlebih dahulu<br>- Yuran tahunan sebanyak RM 12.00<br><br>PERATURAN<br>- Kanak-kanak mestilah berusia 8 tahun dan ke bawah dan kanak-kanak istimewa (0-14 tahun) yang telah berdaftar sebagai ahli Kelab i.Play Toy sahaja yang dibenarkan masuk.<br>- Ahli diminta tidak membawa masuk beg dan makanan.<br>- Ahli diminta tidak memakai kasut.<br>- Ahli diminta menyimpan semula permainan di tempat asal setelah menggunakannya.<br>- Seorang waris atau penjaga perlulah sentiasa berada di sisi anak-anak bagi mengawasi mereka ketika berada di dalam i.Play Toy Library.<br><br>WAKTU PEMBUKAAN<br><br>PERPUSTAKAAN KANAK-KANAK<br><br>Rabu - Jumaat - 2.00 petang - 5.30 petang<br>Rehat - 1.00 petang - 2.30 petang<br>Sabtu - Ahad - 10.00 pagi - 5.30 petang<br><br>PERPUSTAKAAN NEGERI<br><br>Rabu - Jumaat - 11.00 pagi - 5.00 petang Rehat<br>- 1.00 petang - 2.30 petang<br>Sabtu - Ahad - 1.00 tengah hari - 5.00 petang<br><br><br>Untuk maklumat lebih lanjut sila layari laman rasmi kami di www.penanglib.gov.my atau hubungi kami | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 13/1/2017 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | ditalian 04-3902387. Terima kasih. | | |
| 2 | Assalamualaikum dan salam 1 Malaysia.<br><br>Saya merangkap setiausaha Kempen Hari Buah Pinggang peringkat IPPT 2017 yang akan berlangsung pada 18 Mac 2017. Dengan ini memohon jasa baik dari pihak tuan untuk meminjamkan model anatomi buah pinggang serta memberi sedikit sumbangan untuk pengunjung kempen tersebut. Di sini, saya sertakan sekali surat pemohonan yang berkaitan sebagai rujukan untuk pihak tuan.<br><br>Sekian.Terima Kasih. | safiahkk@usm.my | 10/03/2017 | Assalamualaikum<br><br>Untuk makluman, permohonan dari pihak tuan/puan telah kami hantar kepada bahagian berkenaan. Bagi mendapat kepastian lanjut tuan/puan boleh menghubungi kami ditalian 04-3971058<br><br>Terima kasih | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 11/03/2017 |
| 3 | Assalamualaikum dan salam 1 Malaysia.<br><br>Saya merangkap setiausaha Kempen Hari Buah Pinggang peringkat IPPT 2017 yang akan berlangsung pada 27 Mac 2017. Dengan ini memohon jasa baik dari pihak tuan untuk melanjutkan tempoh pinjaman model anatomi buah pinggang. Di sini, saya sertakan sekali surat pemohonan yang berkaitan sebagai rujukan untuk pihak tuan. | safiahkk@usm.my | 22/03/2017 | Waalaikumusalam<br><br>Permohonan anda telah kami hantar kepada Bahagian Pentadbiran, sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi kami ditalian 04-3971058 (Puan Sabariah)<br><br>Terima kasih. | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 22/03/2017 |
| 4 | Salam Sejahtera.<br><br>saya ingin membuat aduan kepada pihak tuan berkenaan Perpustakaan Desa Sungai Dua, apa yg saya dapati perpustakaan itu kerap tutup kerana tiada kerani yg bertugas, jadual yg diletak diluar hanya sebagai tontonan. saya ada membuat pinjaman buku dan jika ingin memulangkan buku tidak dapat dibuat kerana selalu tutup. jadi saya mewakili pengguna perpustakaan ini memohon agar disediakan petugas ganti andai kerani tiada agar operasi dapat berjalan seperti biasa. saya jugak memohon agar persekitaran yg lebih kondusif disediakan agar pengguna dapat lebih manfaat demi bagi melahirkan masyarakat penang yg bermaklumat.<br><br>sekian terima kasih | rizwan4212@gmail.com | 31/03/2017 | Assalamualaiku dan Salam Sejahtera,<br><br>Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang mengucapkan ribuan terima kasih diatas aduan yang yang telah diberikan oleh pihak tuan. Untuk makluman tuan, aduan telah disalurkan kepada bahagian berkenaan, pihak kami akan membuat siasatan keatas aduan tersebut, sebarang tindakan susulan akan dimaklumkan kemudian mengikut prosedur yang telah ditetapkan.<br><br>Terima kasih. | Khidmat Pengurusan | 31/03/2017 |
| 5 | Salam sejahtera Tuan/Puan,<br><br>Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.<br><br>Saya ingin merujuk bahan-bahan mikrofilem seperti tercatat di bawah. Oleh itu, pertanyaan saya, adakah pihak perpustakaan mempunyai kemudahan 'inter-library loan'. Hal ini kerana saya bercadang meminjamnya dan membuat rujukan di perpustakaan awam cawangan George Town. Selain itu, adakah kemudahan 'inter-library loan' dibenarkan antara perpustakaan awam dengan perpustakaan di IPTA contohnya di USM. | kubd@usm.my | 02/05/2017 | Tuan/Puan<br><br>MAKLUMBALAS PERTANYAAN MENGENAI PERKHIDMATAN MIKROFILEM<br><br>Merujuk kepada perkara di atas,<br><br>2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk merujuk bahan mikrofilem seperti dibawah telah diluluskan.<br><br>i. Utusan Malaysia - Ogos 1964 - Januari 2015<br>(No. ruj: 001-937)<br><br>ii. Straits Echo - Oktober 1904 - Disember 1978<br>(No. ruj. 001-038) | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 05/05/2017 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1. Utusan Malaysia - Ogos 1964 - Januari 2015 (No. ruj. 001-937)<br><br>2. Straits Echo - Oktober 1904 - Disember 1978 (No. ruj. 001-038)<br><br>Sekian, di atas segala maklum balas dari pihak tuan/puan, didahului dengan ucapan terima kasih. | | | 3. Perkhidmatan Mikrofilem adalah untuk ahli yang berdaftar sahaja dan rujukan perkhidmatan ini adalah percuma. Bayaran hanya dikenakan untuk cetakan.<br><br>4. Perkhidmatan ini hanya boleh dirujuk di Pusat sahaja iaitu di<br><br>PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG, SEBERANG JAYA.<br><br>5.Perkhidmatan ini tidak termasuk dalam inter-library loan.<br><br>Sebarang maklumat lanjut, diminta hubungi pihak kami di talian 04-3902387.<br><br>Sekian<br>Terima Kasih | | |
| 6 | Dato/Datin/Tuan/Puan,<br><br>Perpustakaan sekarang sangat bising. Saya rasa adalah tanggungjawab ahli perpustakaan untuk mengambil tindakan kepada pengguna library yang tidak berhemah dan buat bising dan bercakap kuat dalam library di tempat yang tidak sesuai untuk bersembang kuat. Kejadian ini berlaku di tingkat satu. dan ini pun berlaku seminggu yang lepas. Harap tindakan sepatutnya diambil.<br><br>Terima kasih. | jcteoh@gmail.com | 06/05/2017 | Salam Sejahtera,<br><br>Terima kasih diatas keperihatinan Tuan/Puan mengenai masalah ini, pihak kami akan ambil maklum mengenai aduan Tuan/Puan. Aduan ini akan dirujuk kepada pihak pengurusan bagi menangani masalah tersebut. Oleh itu pihak kami amat berharap masalah ini dapat diselesaikan.<br><br>Sekian. | | 08/05/2017 |
| 7 | Assalamualaikum Tuan / Puan.<br><br>Saya Nurezura Razali dari Tadika Sirajul Hafidzin ingin membuat permohonan untuk membuat lawatan sambil belajar Tadika kami ke Perbadanan Perpustakaan Awam P.Pinang.<br><br>Tarikh yang dicadangkan adalah pada 16 Mei 2017 (Selasa) jam 10.00 pagi. Jika tarikh tersebut tidak sesuai untuk kami adakan lawatan diharap pihak Tuan/Puan dapat menghubungi saya semula di talian 019-2261976 (Nurezura) dan dapat mencadangkan tarikh lain sebelum bulan Ramadhan.<br><br>Dilampirkan adalah surat permohonan untuk mengadakan lawatan di atas.<br><br>5. Perhatian tuan/puan di atas permohonan ini diucapkan ribuan terima kasih. | ezura1976@gmail.com | 11/05/2017 | Waalaikumusalam,<br><br>Pihak kami telah menghantar permohonan puan berhubung lawatan sambil belajar ke Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang kepada pegawai yang bertanggungjawab. Sebarang pertanyaan lanjut pihak puan boleh berhubung terus di talian 04-3902387 / 043971058 (Cik Ummil atau Puan Hazrawaty)<br><br>Terima kasih | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 12/05/2017 |
| 8 | Salam Sejahtera,<br><br>Saya Yuvah Raj, 900123075111 telah meminjam tiga buah buku dari Perpustakaan pada 24/5/2017. Tarikh yang diberi kepada saya untuk memulangkan kesemua buklu tersebut adalah sebelum 8/6/2017.<br><br>Saya ingin memohon maaf terlebih dahulu kepada Encik/Cik/Puan, kerana saya kemungkinan tidak dapat menepati tanggungjawab saya sebelum atau pada tarikh | duplicate.yesboss1977@gmail.com | 05/06/2017 | Salam Sejahtera,<br><br>Untuk makluman Tuan/Puan pihak kami membenarkan peminjam untk melanjutkan tempoh pinjaman melalui telefon sekali sahaja jika bahan pinjaman tersebut tidak ada tempahan dari pengguna yang lain. Tuan/Puan boleh menghubungi pihak perpustakaan di talian 04-3902387 untuk membuat permohonan lanjutan pinjaman bahan atau sebarang pertanyaan lain. | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 06/06/2017 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | tersebut. Hal ini kerana, saya perlu menyelesaikan urusan yang berkaitan dengan perkerjaan yang patut saya melibatkan diri.Disebabkan kesuntukkan masa, saya tidak dapat hadir ke perpustakaan sebelum ini untuk mengemaskini, kesemua buku tersebut.<br><br>Disini, saya ingin maklumkan kepada pihak perpustakaan bahawa saya, akan hadir untuk mengemaskini kesemua buku-buku tersebut, pada hari Jumaat atau Sabtu kelak.Saya amat mengharapkan Ihsan pihak perpustakaan dalam hal ini, supaya dapat mengelakkan sebarang kesulitan.<br><br>Sekian, Terima Kasih | | | Terima kasih. | | |
| 9 | Hi Librarian,<br><br>I refer to mobile library service schedule.<br><br>Please advise 27 November 2017 (Monday), the mobile library lead by Mohd Saufi & Mohd Hafiz will be at:-<br><br>a. Taman Mewah, Batu Maung (Minggu Pertama) OR<br><br>b. Jalan Tengah, Bayan Baru (Minggu Kedua)?<br><br>Thanks,<br><br>Pei See | peisee_goh@yahoo.co.uk | 16/10/2017 | Tuan/Puan,<br><br>Dengan segala hormatnya merujuk pertanyaan daripada pihak tuan/puan.<br><br>Pada 27 November 2017 (Isnin)<br><br>Perpustakaan Bergerak Kelima (5) yang dipandu oleh Encik Mohd Saufi Bin Md Isa dan Pembantu Pustakawan Encik Mohd Hafiz bin Jamaluddin akan ke Taman Mewah, Batu Maung ? Minggu Pertama.<br><br>Perbadanan sentiasa mengalu-alukan sekiranya pihak tuan/puan sudi memberi pendapat dan cadangan untuk penambahbaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Perbadanan.<br><br>Sekian, terima kasih | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 20/10/2017 |
| 10 | Salam,<br><br>Saya Farina dari Akademi Pengajian Bahasa Uitm, ingin menyewa auditorium perpustakaan negeri, seberang jaya pada tarikh dan tujuan tersebut.<br><br>Tarikh: 21 Januari 2018 atau 28 Januari 2018<br><br>Tujuan: English Drama Competition peringkat Negeri Pulau Pinang<br><br>Waktu : 8 - 6 petang<br><br>Sewaan tambahan : 4 mikrofon tambahan,lcd projetor dan skrin<br><br>Saya berharap masih ada slot kosong pada tarikh tersebut.Di harap puan dapat memberi maklum balas megenai permohonan saya ini.<br><br>Sekian Terima kasih | farina762@ppinang.uitm.edu.my | 24/10/2017 | Assalamualaikum dan Salam Sejahtera<br><br>Untuk makluman, permohonanan anda untuk menyewa kemudahan auditorium di PPAPP telah dipanjangkan kepada Puan Junaidah, untuk pengesahan sila berhubung terus dengan Puan Junaidah di talian 04-3971058<br><br>Terima kasih. | Khidmat Pengurusan | 25/10/2017 |
| 11 | Hi library admin,<br><br>I've borrowed 5 books from the libraries and 4 of the books impacted by the flood. I still have the books with me but they are wet. May I know if I can still return the book? Can you please advise? Thanks. | yen-mei.goh@keysight.com | 13/11/2017 | Salam Sejahtera<br><br>Puan boleh menghantar bahan bacaan tersebut seperti biasa kepada kami walaupun bahan tersebut rosak akibat banjir, ini kerana pihak kami perlukan maklumat untuk merekod bahan tersebut bagi tujuan proses pilih | Perkhidmatan & Perpustakaan Maklumat | 17/11/2017 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Thanks, | | | buang bahan yang telah rosak.<br><br>Untuk keterangan lanjut Puan boleh menghubungi kami ditalian 04-3902387 atau 04-3971058<br><br>Terima kasih. | | |
| 12 | Assalamualaikum...<br><br>Saya Rohayu ingin membuat sedikit pertanyaan kepada pihak pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang mengenai buku cerita kanak-kanak..<br><br>1. Kawan saya punyai sebuah buku cerita baharu yang insyallah akan diterbitkan pada awal cuti persekolahan 2017 ini. Buku tersebut di beri tajuk kembara di kota istanbul..<br><br>kebiasaannya ada tak pihak pengurusan tuan/puan menerima sumbangan buku-buku seperti ini untuk bacaan orang awam di perpustakaan tersebut?<br><br>Sekiranya ada menerima sumbangan dan agak berminat untuk menerima buku ini..insyaallah nanti email yang akan datang saya beri maklumat lanjut mengenai buku tersebut...<br><br>2. Penulis buku ini bercadang untuk melaksanakan projek penulisan buku kanak-kanak bagi mempromosikan malaysia pada bosnia..<br><br>sekiranya tidak keberatan..,saya ingin memohon cadangan dari pihak tuan/puan mengenai bagaimana untuk saya dapatkan maklumat atau cara untuk berhubung dengan penulis-penulis lain sekiranya ada yang berminat untuk menyertai projek penulisan ini...<br><br>dengan sedikit cadangan dan padangan yang diberikan oleh pihak pengurusan tuan/puan mengenai permasalahan saya ini...amat saya hargai dan diucapkan ribuan terima kasih..<br><br>Rohayu Mohidin<br><br>Seberang Jaya, Penang | blueberi84@gmail.com | 20/11/2017 | Assalamualaikum dan Salam Sejahtera<br><br>Berhubung dengan pertanyaan tersebut, kami telah memanjangkan email anda kepada Bahagian Perolehan Koleksi. Untuk keterangan dan pertanyaan lanjut anda boleh menghubungi pegawai tersebut talian 04-3971058 atau 04-3902387 (En. Hanafi) atau email hanafi@penanglib.gov.my | Pengurusan & Pembangunan Koleksi | 23/11/2017 |